

**KENYATAAN AKHBAR**

**Untuk Siaran Segera  
21 Disember 2018**

**ASNB ISYTIHAR PENGAGIHAN PENDAPATAN BAGI AMANAH  
SAHAM BUMIPUTERA**

- Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), mengisytiharkan pengagihan pendapatan 6.50 sen seunit dan bonus 0.50 sen seunit bagi dana utamanya, Amanah Saham Bumiputera (ASB) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018. Ini merangkumi jumlah pembayaran pengagihan sebanyak 7.00 sen seunit dengan jumlah anggaran pembayaran sebanyak RM10.7 bilion yang akan memanfaatkan 9.6 juta pemegang unit yang memiliki 155 bilion unit dalam ASB.
- Bagi dana unit amanah harga berubah pertamanya, Amanah Saham Nasional (ASN), ASNB mengumumkan pengagihan pendapatan sebanyak 3.25 sen seunit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 dengan hasil dividen 5.1% berdasarkan Nilai Aset Bersih dana tersebut setakat 20 Disember 2018. Jumlah anggaran pengagihan sebanyak RM59.7 juta akan dimanfaatkan oleh lebih 1.2 juta pemegang unit dengan lebih 1.8 bilion unit dalam dana.
- Sementara itu, meskipun dalam keadaan pasaran yang mencabar untuk tempoh sehingga 30 November 2018, namun jumlah Aset Di Bawah Pengurusan PNB (AUM) telah meningkat sebanyak 6.8% kepada RM295.2 bilion, manakala Pendapatan Bersih proforma PNB dan unit amanah sahamnya kekal pada RM15.3 bilion.

**Kuala Lumpur, 21 Disember 2018:** Syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) hari ini mengumumkan pulangan kompetitif yang berterusan bagi dana utamanya, Amanah Saham Bumiputera (ASB). Pencapaian tersebut mencerminkan prestasi kewangan PNB yang kukuh pada tahun 2018 di sebalik pasaran global serta domestik yang mencabar dan tidak menentu.

## **PENGAGIHAN PENDAPATAN DANA UNIT AMANAH SAHAM ASNB**

### **Amanah Saham Bumiputera (ASB)**

Pada sidang media hari ini, PNB telah mengumumkan jumlah pengagihan pendapatan sebanyak 7.00 sen seunit bagi dana utama ASNB iaitu Amanah Saham Bumiputera (ASB) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018. Jumlah ini terdiri daripada pengagihan pendapatan atau dividen sebanyak 6.50 sen seunit dan bonus sebanyak 0.50 sen seunit.

Pengagihan pendapatan dan bonus ASB pada tahun ini melibatkan jumlah anggaran pengagihan sebanyak RM10.7 bilion untuk lebih 9.6 juta pemegang unit menjadikan jumlah pengagihan pendapatan terkumpul dana dan bonus sebanyak RM143.1 bilion setakat ini sejak pelancarannya pada tahun 1990. Setakat 30 November 2018, ASB merekodkan pendapatan bersih sebanyak RM8.99 bilion untuk 11 bulan pertama tahun kewangan di mana sebahagian besarnya diperoleh daripada dividen dan keuntungan modal daripada pelaburannya.

Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Dr. Zeti Aziz berkata, “2018 sememangnya merupakan tahun yang mencabar bagi pasaran kewangan global dan domestik yang terkesan disebabkan oleh normalisasi dasar monetari Amerika Syarikat dan aliran keluar dana dari pasaran baharu serta kebimbangan yang semakin meningkat ekoran ketegangan dagangan antarabangsa. Walaupun dengan cabaran ini, pengagihan pendapatan ASB kekal kompetitif mengatasi penanda aras yang ditetapkan, dan berada pada tahap sederhana jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya.”

Setakat 20 Disember 2018, indeks FBM KLCI telah menurun sebanyak 8.1% bagi tahun ini menjadikannya empat daripada lima tahun yang mana indeks mencatat pulangan harga negative dalam persekitaran di mana semua pasaran ekuiti global juga telah menurun. Bagi tahun kewangan 2017, ASB mencatatkan pengagihan pembayaran sebanyak 7.25 sen seunit termasuk dividen 7.00 sen seunit dan bonus 0.25 sen seunit. Di samping itu, bonus khas sebanyak 1.00 sen seunit turut dibayar untuk baki sehingga 10,000 unit.

Pengiraan pengagihan pendapatan dan bonus adalah berdasarkan purata baki pegangan minimum bulanan bagi 12 bulan dalam tahun kewangan dana tersebut. Unit-unit yang dilaburkan semula daripada pengagihan pendapatan dan bonus akan dikreditkan semula ke dalam akaun pemegang unit pada 1 Januari 2019.

### Amanah Saham Nasional (ASN)

PNB juga mengisytiharkan pengagihan pendapatan sebanyak 3.25 sen seunit bagi dana unit amanah harga berubah pertama iaitu Amanah Saham Nasional (ASN) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018, mewakili hasil dividen sebanyak 5.1% berdasarkan Nilai Aset Bersih dana tersebut setakat 20 Disember 2018. Anggaran jumlah pembayaran sebanyak RM59.7 juta akan memberi manfaat kepada lebih daripada 1.2 juta pemegang unit dengan lebih daripada 1.8 bilion unit dalam dana tersebut. Pada 30 November 2018, ASN merekodkan pendapatan bersih sebanyak RM64 juta untuk 11 bulan pertama tahun kewangannya.

Pengiraan pengagihan pendapatan bagi ASN adalah berdasarkan unit yang dimiliki setakat 31 Disember 2018. Pengagihan pendapatan tersebut akan dilaburkan semula ke dalam unit-unit tambahan dan dikreditkan secara automatik ke dalam akaun pemegang unit pada 1 Januari 2019, berdasarkan Nilai Aset Bersih seunit setakat 31 Disember 2018.

**Semua urusan niaga bagi ASB dan ASN di semua cawangan dan ejen ASN telah ditangguhkan buat sementara waktu dari 21 Disember 2018 hingga 1 Januari 2019** bagi memudahkan pengiraan pengagihan pendapatan. Pemegang unit akan dapat menyemak dan mengemaskini akaun mereka melalui portal ASN [myasnb.com.my](http://myasnb.com.my) atau di mana-mana cawangan atau ejen ASN di seluruh negara apabila urusan niaga diteruskan semula pada 2 Januari 2019.

## **PRESTASI PNB PADA TAHUN 2018**

Dengan asas yang kukuh, PNB kekal berdaya tahan dalam persekitaran ekonomi yang mencabar pada 2018 dan telah mencatatkan lima pencapaian utama.

PNB terus mengekalkan prestasi kewangannya pada tahun 2018 dengan jumlah Aset di Bawah Pengurusan (AUM) meningkat sebanyak 6.8% kepada RM295.2 bilion, manakala Pendapatan Bersih proforma PNB dan unit amanah sahamnya pula ialah pada RM15.3 bilion bagi tempoh 11 bulan pertama tahun kewangan.

PNB terus mengekalkan keyakinan pelabur dengan memberikan pulangan kompetitif untuk pemegang unit dengan jumlah bayaran RM15.1 bilion merangkumi semua dana untuk tahun 2018.

Pada tahun ini, PNB terus mempelbagaikan portfolio aset dan memperuntukkan lebih banyak wang tunai ke dalam pendapatan tetap dan aset global.

Bagi pasaran ekuiti awam, PNB terus melaksanakan pelan penciptaan nilai operasi dengan syarikat-syarikat strategik dan bekerjasama dengan syarikat teras untuk meningkatkan prestasi serta menyokong usaha permodalan semula MNRB Holdings Berhad dan Sapura Energy Berhad.

ASNB juga berjaya melaksanakan inisiatif baharu untuk memperkayakan pengalaman pelanggan termasuk memperkukuh dan meluaskan penawaran produk. Ini termasuk perluasan capaian pemegang unit melalui portal myASNB yang kini sudah mempunyai hampir 1 juta pengguna berdaftar serta penjenamaan dan penyusunan semula dana sedia ada. ASNB juga melancarkan dua dana harga berubah pada September 2018 iaitu ASN Equity 5 dan ASN Sara 2 yang telah mendapat sambutan menggalakkan daripada pelabur dengan jualan kasar gabungan 692 juta unit setakat ini.

## **TINJAUAN**

Pada tahun hadapan, PNB merancang untuk menjalankan Kajian Separuh Penggal Rancangan Strategiknya yang tertumpu kepada bidang Peruntukan Aset Strategik, Pengurusan Risiko Organisasi dan Transformasi Organisasi, serta mempercepatkan kepelbagaian portfolio pelaburannya kepada aset dengan hasil lebih tinggi. PNB juga akan meneruskan Pelan Penciptaan Nilai untuk syarikat-syarikat strategik dan terus terlibat dengan syarikat teras untuk meningkatkan prestasi mereka. Di samping itu, PNB juga akan terus memperkayakan pengalaman pemegang unit dengan penawaran perkhidmatan digital baharu, serta menggalakkan kadar celik kewangan dan pendidikan pemegang unit untuk memastikan pemahaman yang lebih baik tentang risiko dan pulangan pelaburan.

“PNB kekal tegas dan berdaya tahan dalam mengemudi persekitaran makro yang mencabar dan meneruskan usaha transformasinya, untuk terus memberikan pulangan yang mampan kepada pemegang unit kami. Kami sangat menghargai kepercayaan dan keyakinan pemegang unit kami selama empat dekad ini dan akan terus memegang amanah ini dalam menyampaikan mandat kami,” kata Tan Sri Dr. Zeti.

– *Tamat* –

### **Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)**

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM290 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan-pelaburan strategik dalam syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, layari [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

### **Mengenai Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)**

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah dan anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan dengan pelancaran dua Dana unit amanah yang baharu pada September 2018, kini mengurus 14 dana unit amanah. Setakat November 2018, ASNB mempunyai 236.0 bilion unit dalam edaran dari 13.7 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, layari [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my).

### **Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad**

#### **NOTIS PENTING KEPADA PEMEGANG UNIT**

- Mulai 31 Mac 2018, penyata pengagihan pendapatan, laporan tahunan dan laporan interim bagi dana harga berubah akan dihantar melalui kaedah elektronik.
- Penyata pengagihan pendapatan dihantar ke alamat e-mel yang didaftar oleh pemegang unit, manakala laporan boleh didapati di laman web ASNB: [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my).
- Pemegang unit dan penjaga yang berdaftar digalakkan untuk mengemaskini butiran mereka di semua Cawangan atau Ejen ASNB di seluruh negara. Mereka yang masih ingin menerima salinan bertulis secara fizikal boleh memaklumkan ASNB dengan mengisi borang yang berkenaan yang boleh di muat turun di laman web ASNB.
- Untuk maklumat lanjut, pemegang unit boleh merujuk kepada [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my) atau hubungi Talian Hotline ASNB di 03-2057 3000.